

# Kolaboratif UMS-UnPas fokus martabat bidang kerja sosial

UB 23.08.2023 P.02

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menandatangani perjanjian kolaboratif bersama Universiti Pasundan (UnPas) Indonesia yang memfokuskan kerjasama dalam memartabatkan bidang kerja sosial.

Pemeteraiannya perjanjian itu disempurnakan Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor dan Rektor UnPas, Profesor Dr. Ir. H. Eddy Jusuf.

Kasim berkata, UMS merupakan sebuah universiti awam yang sentiasa peka terhadap cabaran dan keperluan masyarakat yang memerlukan kepakaran cendekiahan dalam menyelesaikan isu-isu semasa.

"Justeru, kolaboratif ini akan memberi penekanan terhadap bidang kerja sosial bagi membantu meningkatkan kebijakan pekerja dalam pelbagai sektor serta membantu golongan yang kurang berkemampuan.

"Dengan ini, pengadaptasi produk, perkhidmatan dan operasi dari hasil penyelidikan dapat membantu usaha untuk meningkatkan per-



**KERJASAMA:** Kasim (dua kiri) bersama Eddy (dua kanan) ketika majlis penandatanganan perjanjian kolaboratif UMS-UnPas.

tumbuhan dan penembusan positif pasaran antarabangsa bagi mencari solusi masalah serumpun," katanya.

Kasim berkata, kolaboratif yang terjalini itu juga mampu membantu mengukuhkan keterampilan penyelidikan Kluster Seni, Sains Sosial dan Kemanusiaan agar seiring dengan kluster-kluster penyelidikan lain di UMS yang berpaksikan kepada unsur sains dan teknologi.

"Untuk makluman, kerjasama ini akan diketuai oleh Dekan Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) UMS, Profesor Dr. Murnizam Hj. Halik," katanya.

Perbincangan itu dijalankan seiring dengan lawatan Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Juhar Hj. Mahiruddin dan isteri, Toh Puan Norlidah RM Jasni sempena Lawatan Pengantarabangsaan Penyelidikan dan Akademik UMS

di Indonesia.

Hadir sama Ahli Lembaga Pengarah UMS, Rafidah Datu Derin; Atase Pendidikan Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta, Zulfadhl Hamzah; Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UMS, Profesor Ir. Dr. Rosalam Hj. Sabarty dan Timbalan Pengarah (Strategik) Pusat Pengurusan Penyelidikan UMS, Profesor Madya Dr. Fatimah Ahmedy.